



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERUBAHAN DALAM PERMINTAAN AKHIR DAN PERUBAHAN
STRUKTUR EKONOMI MALAYSIA : 1978 - 1987**

JESSEL BIN GINTURUN

FEP 1998 1

**PERUBAHAN DALAM PERMINTAAN AKHIR DAN PERUBAHAN
STRUKTUR EKONOMI MALAYSIA : 1978 - 1987.**

JESSEL BIN GINTURUN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1998



**PERUBAHAN DALAM PERMINTAAN AKHIR DAN PERUBAHAN
STRUKTUR EKONOMI MALAYSIA : 1978 - 1987.**

Oleh

JESSEL BIN GINTURUN

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan
Ijazah Master Sains di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Putra Malaysia**

September 1998



*Buat ayah dan ibu yang disayangi
abang, kakak dan adik yang dikasihi, kaum keluarga,
guru-guru dan sahabat handai*

*Ku persembahkan hasil kerja ini di atas pengorbanan, dorongan
dan didikasi kalian sehingga terhasilnya kertas ilmiah ini.*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w. t kerana dengan berkat dan petunjuknya telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menghasilkan kertas Ilmiah ini. Sesungguhnya kepayahan yang ditemphi telah menyedarkan saya tentang keagongan kekuasaannya.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pengerusi Jawatan Kuasa Penyelia Prof. Madya Dr. Zakariah Abdul Rashid yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang konsisten sepanjang penyelidikan ini, khususnya berhubung dengan kaedah input-output yang bukan sahaja lengkap dan berguna tetapi juga mendorong saya untuk menggunakan kaedah ini dalam penyelidikan yang akan datang. Pengalaman luas beliau dalam bidang penyelidikan menjadi pemangkin kepada minat saya untuk terus berkecimpung dalam bidang penyelidikan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada Prof. Dr Abdul Aziz Abdul Rahman selaku ahli jawatan kuasa penyelia yang banyak membantu dan memberi sokongan kepada saya sehingga terhasilnya kertas ilmiah ini. Pengetahuan berhubung dengan teori pembangunan dan pertumbuhan sesungguhnya memudahkan saya memahami dan mentelaah penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada Prof. Madya Dr. Sahak Mamat selaku ahli jawatan kuasa penyelia diatas tunjuk ajar, komen dan cadangan

yang bernas bagi terus memperbaiki hasil kerja saya. Sesungguhnya hasil kajian ini tidak mencapai ketahap ini tanpa komen dan cadangan daripada beliau.

Tidak lupa juga penghargaan ini diberikan kepada Dekan, Timbalan Dekan dan semua pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, khususnya Prof. Dr. Mohd. Ariff Hussein, Prof. Ahmad Mahzan Ayob, Prof. Mohamad Yusuf, Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Bahrumshah, Dr. Maisom Abdullah, Dr. Tan Hui Boon dan En. Saroni Judi kerana memberi pengetahuan dan tunjuk ajar yang berguna semasa mengikuti subjek peringkat siswazah.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah, Perpustakaan UPM, Kolej Kelima dan Kolej Mohamad Rashid kerana memberi perkhidmatan yang cemerlang sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Akhir sekali penghargaan yang setingginya buat ayah dan ibu yang dikasihi, abang, kakak, adik, guru-guru saya serta sahabat handai yang telah mendidik, mendorong dan memberi sokongan kepada saya untuk terus berjaya dalam pengajian saya. Tidak dilupakan rakan seperjuangan khususnya Zulkifly Abdul Karim V. Bhramaden, Wan Azman Sainin Wan Ngah, Saturna Mahmud, Siti Khatijah, Lina dan Linda yang terus menerus memberi dorongan sehinggalah tamatnya penyelidikan ini.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
KEPENDEKAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvii
 BAB	
I	
Pengenalan	1
Prestasi Sektoral Secara Umum	3
Latar Belakang Kajian	6
Pernyataan Masalah	11
Objektif Kajian	15
Rasional Kajian	16
Hipotesis Kajian	18
Organisasi Kajian	19
 II	
ULASAN KARYA	20
Pertumbuhan, Perubahan Struktur dan Paten Perindustrian di Malaysia : 1960-1990	20
Punca-Punca Pertumbuhan Output di Malaysia : 1957-1974	25
Punca-Punca Pertumbuhan Dalam Input Pengeluaran (Input Perantaraan, Buruh dan Modal) di Malaysia : 1978-1983	33
 III	
METODOLOGI KAJIAN	42
Latar Belakang Kaedah Input-Output	42

	Aspek Teoritik Dalam Kaedah Analisis Input-Output	44
	Hubungan Matematik Dalam Input-Output	47
	Koefisien Teknik (Technical Co-efficient)	48
	Koefisien Kebergantungan (Direct-Plus-Indirect Co-efficient)	49
	Pertalian Antara Tingkat Jumlah Output dengan Keperluan Input Asas Pengeluaran (Buruh dan Modal)	50
	Andaian-Andaian Dalam Model Input-Output	52
	Kesesuaian Kaedah Input-Output Dalam Penyelidikan ini	53
	Data dan Metodologi Kajian	55
	Rangka Kerja Teoritik	55
	Sistem Simbol dan Metodologi	57
IV	KEPUTUSAN KAJIAN	63
	Keperluan Input Perantaraan Bagi Tempoh 1978-1987	64
	Kesan Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Ke atas Keperluan Input Perantaraan Dalam Tempoh 1978-1987	67
	Kesan Perubahan Dalam Permintaan Akhir Ke atas Keperluan Input Perantaraan Dalam Tempoh 1978-1987	71
	Keperluan Input Buruh Bagi Tempoh 1978-1987	76
	Kesan Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Ke atas Keperluan Buruh Bagi Tempoh 1978-1987	79

	Kesan Perubahan Dalam Permintaan Akhir Ke atas Keperluan Input Buruh Bagi Tempoh 1978-1987	83
	Keperluan Input Modal Bagi Tempoh 1978-1987	88
	Kesan Perubahan Dalam Struktur Industri Ke atas Keperluan Input Modal Dalam Tempoh 1978-1987	91
	Kesan Perubahan Dalam Permintaan Akhir Ke atas Keperluan Input Modal Bagi Tempoh 1978-1987	94
V	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	101
	Rumusan dan Cadangan	101
	Cadangan Kepada Penyelidikan Seterusnya	107
	Had-Had Kepada Penyelidikan Ini	109
	BIBLIOGRAFI	110
	LAMPIRAN	118
Lampiran A	Senarai Klasifikasi 33 Sektor Perindustrian di Malaysia (Klasifikasi Sistem Akaun Negara)	118
Lampiran B	Keperluan Input Perantaraan Dalam Sektor Perindustrian di Malaysia Akibat Berlaku Perubahan Dalam Struktur Dari Tahun 1978-1987	122
B - 1	Perubahan Keperluan Input Perantaraan (direct- plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978- 1987 (RM,000) (Pada Peringkat Permintaan Akhir 1978)	122

B - 2	Perubahan Keperluan Input Perantaraan (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000). (Pada Peringkat Permintaan Akhir 1983	123
B - 3	Perubahan Keperluan Input Perantaraan (direct-plus-indirect effects) Akibat Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000). (Pada Peringkat Permintaan Akhir	124
Lampiran C	Keperluan Input Perantaraan Dalam Sektor Perindustrian di Malaysia Dalam Permintaan Akhir dari Tahun 1978-1987 ..	125
C - 1	Perubahan Keperluan Input Perantaraan (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1978)	125
C - 2	Perubahan Keperluan Input Perantaraan (direct-plus-indirect effects) Akibat Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1983	126
C - 3	Perubahan Keperluan Input Perantaraan (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1987)	127
Lampiran D	Keperluan Input di Malaysia Akibat Tahun 1978-1987	128
D - 1	Perubahan keperluan Input indirect effects) Akibat Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 ((Pada Peringkat Permintaan Akhir 1978)	128

	D - 2	Perubahan Keperluan Input Buruh (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 (,000) (Pada Peringkat Permintaan Akhir 1983)	129
	D - 3	Perubahan Keperluan Input Buruh (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 (,000). (Pada Peringkat Permintaan Akhir 1987)	130
Lampiran	E	Keperluan Input Buruh Dalam Sektor Perindustrian di Malaysia Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Dari Tahun 1978-1987	131
	E - 1	Perubahan Keperluan Input Buruh (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Permintaan Bagi Tempoh 1978-1987 (,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1978)	131
	E - 2	Perubahan Keperluan Input Buruh (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1983)	132
	E - 3	Perubahan Keperluan Input Buruh (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1987)	133
Lampiran	F	Keperluan Input Modal Dalam Sektor Perindustrian di Malaysia Akibat Perubahan Dalam Struktur Dari Tahun 1978-1987	134
	F - 1	Perubahan Keperluan Input Modal (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Permintaan Akhir 1978)	134

F - 2	Perubahan Keperluan Input Modal (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Permintaan Akhir 1983)	135
F - 3	Perubahan Keperluan Input Modal (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Permintaan Akhir 1987)	136
Lampiran G	Keperluan Input Modal Dalam Sektor Perindustrian di Malaysia Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Dari tahun 1978-1987	137
G - 1	Perubahan Keperluan Input Modal (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1978)	137
G - 2	Perubahan Keperluan Input Modal (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1983)	138
G - 3	Perubahan Keperluan Input Modal (direct-plus-indirect effects) Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987 (RM,000) (Pada Peringkat Struktur i/o 1987)	139
Biodata/Vita	140



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman	
I - 1	Jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Guna Tenaga Mengikut Sektor (Peratus)	6
I - 2	Import Barangan Pengguna, Barangan Perantaraan dan Barangan Modal 1961-1990 (Peratus)	9
III - 1	Kesan Struktur dan Kesan Permintaan ke atas Keperluan Input Perantaraan	59
III - 2	Susunan Kesan Struktur dan Kesan Permintaan ke atas Keperluan Input Buruh	60
III - 3	Susunan Kesan Struktur dan Kesan Permintaan ke atas Keperluan Input Modal	61
IV - 1	Keperluan Input Perantaraan (Direct-Plus-Indirect Effects) Bagi Tempoh 1978-1987	66
IV - 2	Kadar Pertumbuhan Tahunan Input Perantaraan Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Dari Tahun 1978-1987	70
IV - 3	Kadar Pertumbuhan Tahunan Input Perantaraan Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Dari 1978-1987	74
IV - 4	Kadar Pertumbuhan Tahunan Keperluan Input Perantaraan Dalam Sektor Perindustrian Bagi Tempoh 1978-1987(RM,000)	76
IV - 5	Keperluan Input Buruh (Direct-Plus-Indirect Effects) Bagi Tempoh 1978-1987	78
IV - 6	Kadar Pertumbuhan Tahunan Input Buruh Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987	82
IV - 7	Kadar Pertumbuhan Tahunan Input Buruh Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987	86
IV - 8	Kadar Pertumbuhan Tahunan Keperluan Input Buruh Dalam Sektor Industri Bagi Tempoh 1978-1987	88

IV - 9	Keperluan Input Modal (Direct-Plus-Indirect Effects) Bagi Tempoh 1978-1987(RM,000)	89
IV - 10	Kadar Pertumbuhan Tahunan Input Modal Akibat Perubahan Dalam Struktur Pengeluaran Industri Bagi Tempoh 1978-1987	93
IV - 11	Kadar Pertumbuhan Tahunan Input Modal Akibat Perubahan Dalam Permintaan Akhir Bagi Tempoh 1978-1987	97
IV - 12	Kadar Pertumbuhan Tahunan Dalam Jumlah Keperluan Input Modal Bagi Tempoh 1978-1987(RM,000)	98



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
Rajah III - 1	Kandungan Jadual Input-Output	46
Rajah III - 2	Keluk Isokuan Dalam Rangka Kerja Input-Output	53

SENARAI KEPENDEKAN

AIP	Akta Industri Perintis
CGF	Syarikat Jaminan Kredit
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FMM	Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia
FTZ	Free Trade Zone
IBRD	International Bank Reconstruction and Development
ISIC	International Standard Industrial Classification
ISK	Industri Sangat Kecil
IT	Teknologi Maklumat
KLIA	Lapangan Terbang Antara Bangsa Kuala Lumpur
MIDA	Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Malaysia
NSM	Negara-Negara Sedang Membangun
PIP	Plan Induk Perindustrian
RRJP1	Rangka Rancangan Jangka Panjang 1



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat dikurniakan untuk ijazah Master Sains

**PERUBAHAN DALAM PERMINTAAN AKHIR DAN PERUBAHAN
STRUKTUR EKONOMI MALAYSIA : 1978 - 1987.**

Oleh

JESSEL BIN GINTURUN

September 1998

Penyelia : Prof. Madya Zakariah Abdul Rashid, Ph.D

Fakulti : Ekonomi dan Pengurusan

Objektif utama kajian ini ialah menilai kesan perubahan dalam struktur pengeluaran industri (kesan struktur) dan perubahan dalam peringkat dan kandungan permintaan akhir (kesan permintaan) ke atas keperluan input perantaraan, buruh dan modal bagi setiap industri dan industri secara keseluruhan dalam ekonomi Malaysia dari tahun 1978-1987 dengan menggunakan rangka kerja analisis input-output. Angkubah tersebut akan di analisis secara serentak atau berasingan dalam satu tempoh jangka masa yang sama.

Biasanya, variasi perubahan dalam struktur dan perubahan dalam peringkat dan kandungan permintaan akhir berkait rapat dengan polisi yang diperkenalkan dan

ditekankan. Walau bagaimanapun, rangka kerja methodologi ini tidak dapat menjelaskan pertalian secara langsung antara polisi dan kesannya. Analisis ini hanya mampu menjelaskan perhubungan di antara strategi pembangunan ekonomi dan kesannya terhadap perubahan dalam pertumbuhan dan struktur ekonomi.

Perindustrian memainkan peranan yang penting di Malaysia. Setiap industri mempunyai pertalian dengan industri yang lain bagi memperolehi input untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan akhir. Bagaimanapun, proses tranfomasi input kepada output bukan merupakan proses yang mudah, ianya melibatkan kekangan input pengeluaran. Misalnya, dari segi bahagian penawaran output bergantung kepada perolehan input dan teknologi yang digunakan manakala dari segi bahagian permintaan pula bergantung kepada halangan dan keadaan pasaran yang mempengaruhi serapan terhadap barangan. Dalam konteks Malaysia, dari segi penawaran pertumbuhan output berkait rapat dengan kebolehubahan input perantaraan, buruh, modal dan lain-lain pembolehubah yang berkaitan selain daripada tiga input di atas.

Daripada kajian yang telah dijalankan, jika struktur input-output yang berlainan digunakan untuk mengeluarkan permintaan akhir yang sama, perubahan dalam struktur pengeluaran atau teknologi tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap keperluan input perantaraan dalam ekonomi. Dengan kata lain, teknologi secara umumnya mempunyai hubungan yang 'neutral' dengan penggunaan input perantaraan. Jika diandaikan ekonomi mempunyai struktur pengeluaran yang tetap,

perubahan dalam peringkat dan kandungan permintaan akhir mempunyai kesan yang kuat terhadap peningkatan dalam output atau input perantaraan.

Daripada perbincangan ini juga, perubahan dalam teknologi sepanjang tempoh kajian kurang menggunakan input buruh tetapi lebih cenderung kepada penggunaan lebih banyak modal bagi setiap peringkat permintaan akhir. Perubahan dalam teknologi mempunyai kadar perhubungan yang negatif dengan keperluan buruh dan kadar perhubungan yang positif dengan keperluan input modal. Perubahan dalam permintaan akhir menyebabkan pertumbuhan yang tinggi dalam penggunaan input buruh dan lebih kuat lagi terhadap input penggunaan modal. Ini memperlihatkan bahawa kesan permintaan lebih kuat daripada kesan struktur.

Kesimpulan daripada kajian ini, perubahan dalam teknologi mempunyai hubungan yang 'neutral' terhadap penggunaan input perantaraan, lemah terhadap input buruh dan kuat terhadap input modal. Dengan kata lain perubahan peringkat dan kandungan dalam permintaan mempunyai kesan yang lebih signifikan terhadap keperluan faktor pengeluaran dalam ekonomi.

Abstract of thesis submitted to the Senate of the Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Sciences.

**THE CHANGE OF THE FINAL DEMAND AND CHANGE OF
MALAYSIA'S ECONOMY STRUCTURE : 1978 - 1987.**

By

JESSEL B. GINTURUN

September 1998

Supervisor : Associate Professor Zakariah Abdul Rashid, Ph.D

Faculty : Economics and Management

The main objective of the study is to evaluate the effects of changing industrial production structures, i.e., the structural effects, and changing levels and composition of the final demand bill, i.e., the demand effects, on raw material, labour and capital requirements of all and specific industries in the Malaysian economy from 1978 to 1983. Since these factors occur simultaneously in time, an attempt is made to separate one effects from the other.



Certainly, variations in production structure and changes in levels and compositions of final demand bills are related to the policies that were implemented and pursued. However, since the methodological framework does not explicitly incorporate policy variables and therefore cannot trace out the sequence of causal links between policies and effects, the analysis provides insight on the relationship between the economy's development strategy and the resulting changes in growth and economic structure.

The Malaysian industries have important roles to play. Each industry is related to the other and form a unified system that harnesses primary inputs and converts them to final goods and services. However, the operation of transforming inputs to outputs is not as simple as it may seem. It involves inherent and external complexities that are brought by constraining factors. On the supply side, the availability of input resources and the type of technology would limit production. On the demand side, the extent and condition of market would affect the absorption of the products. In Malaysian case, from the supply side, output growth was related to the absolute movements of raw materials, labour, capital and a catch-all variable that would capture the effects not explained by the three input factors.

Based on these results, in producing the same bill of final demand output, changes in input-output structure or technologies did not alter significantly the amount of total intermediate demand output requirements of economy. This means that overall technology had been 'neutral' in terms of intermediate use. If the

economy

composition of final demand have more striking impact on output for intermediate or raw material use.

From the above discussion,

a labour-saving and capital-using direction to produce a given bill of total demand.

requirements and a positive rate in capital requirements,

greater growth in labour and a more significant growth in capital.

that effects of demand changes have been more dominant than those of structural changes.

This study

use of raw material,

On the other hand,

leading to a significant use of the required factors.

BAB I

PENGENALAN

Sesebuah negara yang mempunyai kadar pertumbuhan perindustrian yang tinggi dikatakan berjaya menyelesaikan masalah pembangunan ekonomi khususnya berhubung dengan lebih guna tenaga (Cody ; Helen dan David, 1983 : 3). Penemuan ini berdasarkan kepada prestasi sektor perindustrian dua dekad lepas yang memperlihatkan bahawa sektor ini mampu menjadi enjin pertumbuhan semulajadi kepada peningkatan gunatenaga, produktiviti dan pendapatan (Bruch dan Hiemanz, 1984 : 2)

Kebanyakan ahli ekonomi percaya bahawa sektor perindustrian merupakan harapan baru bagi negara-negara sedang membangun (NSM) untuk meningkatkan pendapatan negara (Chenery, 1955 : 123). Malahan, kemerdekaan bagi satu-satu negara tidak membawa apa-apa erti tanpa pembangunan dalam perindustrian (Nehru, 1988 : 226).

Pertalian di antara perindustrian dan pembangunan ekonomi lebih jelas lagi apabila dilihat dari aspek peningkatan taraf hidup, pertumbuhan dalam peluang-peluang pekerjaan, kenaikan dalam produktiviti dan pendapatan perkapita (Myrdal, 1957 : 226). Perkara yang sama juga berlaku jika kita perluaskan kepada aspek-

aspek pelbagai dimensi seperti mencipta pertumbuhan dan kecekapan, kesaksamaan dan kebajikan serta kebebasan ekonomi (Cody, 1980 : 13)

Sektor perkilangan merupakan sandaran utama Malaysia sebagai enjin bagi mencipta dan mengekalkan kadar pertumbuhan yang berterusan (FMM, 1989). Kemampuan sektor perkilangan mempertahankan kadar pertumbuhan yang pesat sejak tiga dekad yang lepas membuktikan sektor ini mempunyai kesan rantaian penganda yang kuat terhadap pertumbuhan ekonomi (Bank Dunia, 1989). Kadar pertumbuhan yang tinggi dalam sektor perkilangan menyebabkan sektor-sektor lain berkembang pesat, khususnya sektor pembinaan dan perkhidmatan (Rujuk Jadual 1 - 1). Berlandaskan kepada fakta tersebut kerajaan terus meletakkan harapan kepada sektor ini sebagai alat untuk menjana pertumbuhan pendapatan, gunatenaga dan seterusnya memperbaiki imbalan pembayaran (RMK-7, 1996).

Kesimpulannya, sektor perindustrian khususnya perkilangan, bukanlah sektor yang boleh diabaikan. Sekiranya negara ingin menikmati pendapatan dan guna tenaga yang tinggi, kesaksamaan dan kebajikan yang maksima serta kebebasan dalam ekonomi, maka sektor ini perlu dibangunkan dan dipermodenkan supaya menjadi pemangkin kepada kestabilan ekonomi, politik dan sosial bagi sesebuah negara (Bank Negara Malaysia, 1997/98).

Prestasi Sektoral Secara Umum

Pada tahun 1996 ekonomi Malaysia berkembang 8.4%. Keluaran Negara Kasar (KNK) mengikut harga pada 1978 ialah RM123,138 juta. Pendapatan perkapita penduduk jika di nilai pada harga semasa ialah RM11,239 juta iaitu terdapat peningkatan sebanyak 11.7% (Bank Negara Malaysia, 1997/98).

Malaysia merupakan satu negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka, dengan sektor swasta merupakan penjana utama kepada pertumbuhan ekonominya (Kurian, 1992). Sektor pertanian kekal sebagai sektor yang penting sebagai pembekal bahan mentah utama, bahan makanan dan sumber pekerjaan kepada penduduk sejak turun-temurun khususnya di luar bandar. Walau bagaimanapun sejak dua dekad yang lalu sumbangan sektor pertanian terhadap keluaran dalam negara kasar (KDNK) terus merosot daripada 39.3% (1957) kepada 12.7% (1996). Begitu juga dari segi guna tenaga, merosot daripada 61.3% (1957) kepada 15.2% (1996). Pertumbuhan pengeluaran pertanian dalam tahun 1997 ialah 3.5%. Ini berpunca daripada peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit (7.3%), pengeluaran balak (3.4%) dan peningkatan dalam pengeluaran ternakan (4.6%) (Bank Negara Malaysia, 1997/98).

Sektor perkilangan pula berkembang sebanyak 12.0% pada tahun 1997. Perkembangan yang memberansangkan ini berpunca daripada pertumbuhan pesat dalam keluaran industri berorientasikan eksport (8.3%) dan perkembangan dalam